

Pesilat lega silat masuk dalam acara 2005

BERITA HARIAN, 14 March 2004, Page 23

Pesilat lega silat masuk dalam acara 2005

SUKAN SEA MANILA

— oleh

beliau. — oleh **Mohd Sani Ali.**

PARA pegawai Persekutuan Silat Antarabangsa (Pesilat) melahirkan rasa lega apabila acara pencak silat mendapat tempat dalam Sukan SEA Manila 2005.

Pengarah teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob, berkata ini kerana Pesilat sedang berusaha keras untuk memastikan acara pencak silat mendapat tempat dalam Sukan Asia akan datang.

Pencak silat, bola sepak, badminton, kapal layar, tenis meja, menembak dan lumba basikal merupakan antara 12 acara yang telah disertakan dalam senarai sukan yang bakal ditandingkan tahun depan.

“Bayangkan, sedang kami berusaha untuk mempopularkan lagi pencak silat di peringkat antarabangsa dan memperjuangkan silat di Sukan Asia, tiba-tiba Manila enggan menerima sukan ini di tempat mereka.

“Tetapi, kini pencak silat sudah menjadi acara antarabangsa. Malah, terdapat pelbagai kejohanan antarabangsa di Eropah,” kata Sheik Alauddin.

Sebelum itu, beberapa pegawai Pesilat dari Indonesia dan Malaysia bersama Singapura telah mengadakan mesyuarat tergemparnya di sini selepas mendapati pencak silat tidak berada dalam senarai awal acara Sukan SEA tahun depan.

Sementara itu, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan Persatuan Bola Sepak Singapura (FAS), P. Sivakumar, mengemukakan keputusan jawatankuasa penganjur Sukan SEA Manila menyenaraikan semula bola sepak.


“Kami lega dengan keputusan yang dicapai di Manila kelmarin.

“Kini, para pemain pasti berazam hendak membuktikan apa yang dapat mereka lakukan di Manila selepas kegagalan di Vietnam tahun lalu,” ujar Sivakumar.

Presiden Persekutuan Sepak Takraw Singapura (Perses), Abdul Halim Kader, yang mewakili keluarga Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf), terutama di rantau Asean, turut lega sepak takraw kembali disenaraikan.

Begitu juga dengan pengarah eksekutif Persatuan Badminton Singapura (SBA), Jacquelin Lim, yang menyifatkan penyertaan badminton sebagai langkah wajar.

“Memang aneh jika badminton diketepikan memandangkan para pemain di rantau ini berada dalam kelas dunia,” kata beliau.



GEMBIRA: Sheik Alauddin Yaacob gembira silat turut disertakan dalam Sukan SEA Manila 2005.